

# UPM anjur Hari Disertasi Pertanian 2024 tonjol hasil penyelidikan ilmiah pelajar

Oleh: Nik Zaini Peei



**SERDANG, 24 Jan** – Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) buat julung kalinya menganjurkan Hari Disertasi Pertanian 2024 bagi menonjolkan hasil penyelidikan ilmiah pelajar tahun akhir.

Timbalan Dekan (Akademik, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Fakulti Pertanian, UPM, Prof. Madya Dr. Juwaidah Sharifuddin berkata

program ini juga untuk memberikan pendedahan dalam memacu kreativiti dan inovasi pelajar.

“Program ini juga dapat melahirkan graduan yang holistik dan berkemahiran tinggi serta boleh menyesuaikan diri dengan perubahan serta terbuka kepada inovasi yang memiliki nilai-nilai pembelajaran sepanjang hayat,” katanya.

Selain itu, program yang berlangsung selama dua hari ini memperlihatkan pameran poster disertasi mengikut bidang kajian dan pertandingan Anugerah Disertasi Terbaik.



Sebanyak tujuh jabatan terlibat mempertaruhkan bidang kajian masing-masing iaitu bidang Sains Tanaman, Sains Tanah, Perlindungan Tumbuhan, Teknologi Pertanian, Sains Akuakultur, Sains Haiwan dan Sains Perniagaan Tani.

Pelajar Bacelor Sains Pertanian, Muhammad Alfaris Yulfendi yang membentangkan kajian Influence of Different Biochar Variants and Forms on Soil Microbial Community and Plant Root Density di bawah selian Dr. Muhammad Firdaus Sulaiman



menjuarai pertandingan Disertasi Terbaik yang mewakili bidang Sains Tanah.



Dalam pada itu, pelajar tahun akhir Fakulti Pertanian, UPM, Syed Muhamad Nazdmi Syed Zahari berkata, platform ini dapat memberi peluang kepada pelajar

tahun akhir berkongsi mengenai projek disertasi masing masing.

“Program ini perlu diteruskan lagi pada masa akan datang kerana impaknya memberikan penghasilan kajian yang berkualiti serta menarik minat pelajar untuk menyambung kajian di peringkat lebih tinggi,” katanya.



Program tersebut turut membuka kaunter kerjaya dengan kehadiran 13 syarikat terkemuka di Malaysia antaranya FGV Holdings Berhad, Alltech Biotechnology Malaysia Sdn. Bhd., Kuala Lumpur Kepong Berhad, Idea Company Sdn. Bhd., U & US Solutions Sdn. Bhd., Aramijaya Agri & Agro Sdn. Bhd., Ken Microbes Biotech Sdn. Bhd., Agroharta Fertilizer Sdn. Bhd., Tanalink Sdn. Bhd., QL Corporate Services Sdn. Bhd., INO Nature Sdn. Bhd., Dindings Poultry Development Sdn. Bhd. dan DrFish Sdn. Bhd.